

Pertandingan Roket Air

Pertandingan roket air kini telah dipertandingkan pada peringkat sekolah rendah dalam Karnival Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Pertandingan roket air ini untuk mendedahkan murid tentang aktiviti bertemakan angkasa. Biasanya, tiga kategori dipertandingkan iaitu pembentangan, roket air sasaran dan roket air payung terjun.

Bagi kategori pertama ialah pembentangan hasil kerja. _____ berlangsung selama 10 minit. Panel juri akan melakukan _____ berdasarkan _____ pembentangan, sesi _____, kefahaman _____ sains serta aspek kreativiti dan inovasi.

Seterusnya, untuk penilaian kategori yang kedua ialah pertandingan roket air sasaran. Dalam kategori ini, peserta perlu _____ roket ke tanda yang berjarak _____ dari tapak pelepasan. Peserta hendaklah memastikan _____, _____ dan _____ pelancaran roket sebelum melancarkannya.

Acara terakhir ialah kategori ketiga iaitu pertandingan _____ air payung _____. Roket ini perlu membawa telur _____ 60 gram sebagai _____. Catatan roket yang paling lama berada di _____ diambil kira. Peserta perlu _____ paras air dan tekanan udara mencukupi sebelum melancarkan roket.

Sebelum berakhir, keputusan pertandingan diadakan. Pertandingan ini menjadi landasan untuk murid memanfaatkan pengetahuan sains dan teknologi di luar bilik darjah. Apatah lagi, ilmu ini berkaitan dengan pemikiran kreatif dan inovatif murid.

memastikan	Pembentangan
penilaian	kemahiran
80 meter	hukum
bersoal jawab	roket
sinetik	terjun
beban	udara
menyasarkan	paras air
sudut	Tekanan udara

